

B625:  
MAHATHIR-MIC

1982

KUALA LUMPUR, 28 MEI (BERNAMA)--PERDANA MENTERI HARI INI MENCA-  
DANG DITUBUHKAN KELAB-KELAB ANTARA KAUM DI TIAP-TIAP IBU NEGERI BAGI  
MENGEKALKAN PERPADUAN ANTARA KAUM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PARA MENTERI BESAR DAN K  
KETUA MENTERI NEGERI-NEGERI BERKENAAN BOLEHLAH MENJADI YANG DIPERTUA  
-NYA MANAKALA ANGGOTANYA TERDIRI DARI SEMUA KAUM.

BELIAU MEMBUAT CADANGAN ITU DALAM SATU MAJLIS PERTEMUAN DENGAN  
PARA WAKIL MAJLIS TERTINGGI MIC DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PARA PEMIMPIN KERAJAAN AKAN  
MENGAMBILA USAHA-USAHA BERSUNGGUH BAGI MENUBUHKAN KELAB-KELAB  
TERSEBUT.

PERDANA MENTERI JUGA BERHARAP PARA PEMIMPIN MIC DI SEMUA PERINGKAT  
AKAN MEMAIN PERANAN PENTING UNTUK MENJAYAKAN KELAB-KELAB ANTARA KAUM  
ITU. --BERSAMBUNG 1901/OM

B640:

MAHATHIR-MIC 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENCADANGKAN BAHAWA PIHAK PERNIAGAAN SEBERAPA BOLEH BERUSAHA MENUBUHKAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG TERDIRI DARI BERBILANG KAUM.

BELIAU BERKATA BAHAWA BELIAU MEMBERI NASIHAT YANG SAMA SEMASA MELAWAT SEBUAH KILANG DI KELANTAN BARU-BARU INI.

BELIAU BERKATA BAHAWA KERAJAAN TIDAK SUKA MEMBERI +EXCLUSIVENEES+ DALAM BIDANG PERNIAGAAN.

DATUK SERI MAHATHIR BERKATA BAHAWA PADA MASA LALU KAUM KETURAMAN INDIA SENTIASA BERKERJA DI ESTET, SEKARANG KITA MAHU MELIHAT KAUM INDIA JUGA TERDAPAT DI KILANG-KILANG DAN BIDANG-BIDANG LAIN.

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA SEMUA KAUM AKAN DIBERI PELUANG UNTUK MENDAPAT TEMPAT DALAM RANCANGAN-RANCANGAN LATIHAN KEMAHIRAN SEJAJAR DENGAN DASAR KERAJAAN MEMANDANG KE TIMUR. --BERSAMBUNG 2010/0M

MAHATHIR-MIC 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK SUKA MEMBAHAGI-BAHAGI KAUM DALAM BIDANG PERNIAGAAN, PELAJARAN DAN BIDANG LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA KERAJAAN BARISAN NASIONAL INGIN BERLAKU ADIL KEPADA SEMUA KAUM TETAPI BELIAU BERPENDAPAT TIDAK ADA SESIAPA PUN YANG BOLEH MENDAPAT SEMUA KEHENDAK MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA APABILA SUATU PERMOHONAN ATAU SUATU MASALAH TIDAK DAPAT DISELESAIKAN +KITA MESTI MEMANDANG-NYA DARI SUDUT NASIONAL+. --BERSAMBUNG 2015/0M

B645:

MAHATHIR-MIC 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL BERKATA PERANAN PENTING PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL IALAH UNTUK MENJAGA PERPADUAN DAN KERJASAMA DI ANTARA MEREKA.

BELIAU BERKATA KERJASAMA DI KALANGAN UMNO, MCA DAN MIC SUDAH TERJALIN SEKIAN LAMA.

+INI ADALAH SATU KEISTIMEWAAN ANG KITA HARGAI DAN HENDAKLAH DIKEKALKAN.+

BELIAU BERHARAP PARA PEMIMPIN MIC AKAN PENGAWASI SUPAYA PERKARA KECIL TIDAK MENIMBULKAN EMOSI DI KALANGAN ANGGOTANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA +BILA MENGHADAPI MASALAH KITA MESTI MEMPUNYAI PANDUAN YANG MELUAS DAN TIDAK TERTUMPU KEPADA SATU PERKARA SAHAJA+.

BELIAU BERKATA MASALAH-MASALAH MESTI DILIHAT DALAM KONTEKS NASIONAL. --BERSAMBUNG 2040/0M

B646:

MAHATHIR -MIC-5 KUALA LUMPUR

BERKENAAN DENGAN PILIHANRAYA UMUM BARU-BARU INI, BELIAU BERKATA BAHAWA SUNGGUHPUN TIDAK ADA DSESUATU TEMPAT DI NEGARA INI DIMANA KAUM INDIA MENJADI KAUM MAJORITI, KEJAYAAN MIC IALAH SATU KEJAYAAN YANG CEMERLANG SEBAB IA MEMENANGI SEMUA KERUSI YANG DITANDINGINYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI IALAH SATU PERTANDA BAIK YANG MENUNJUKKAN PERPADUAN ANTARA KAUM DI NEGARA INI.

SELEPAS UCAPANNYA PERDANA MENTERI MENGADAKAN SATU MESYUARAT TERTUTUP DENGAN WAKIL-WAKIL TERTINGGI MAJLIS MIC DAN DENGAN AHLI-AHLI PARLIAMEN DAN DEWAN NEGERI.

SEBELUM ITU PRESIDEN MIC, DATUK S. SAMY VELLU BERKATA BAHAWA MIC MENYOKONG KONSEP KERAJAAN UNTUK MEWUJUDKAN SATU PENTADBIRAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH.

BELIAU BERKATA +KAMI MENYOKONG PENUH KONSEP BARU INI DAN SEDANG BERGIAT MENENTUKAN PERANAN MIC DALAM PENUBUHAN SEBUAH KERAJAAN YANG DIKEHENDAKI OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR. --BERNAMA 2048/0M